

18 OCT 1998

Mahathir-Mahkamah

PROSES MAHKAMAH DI MALAYSIA TERLALU LAMA, KATA MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

TOKYO, 18 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kerajaan dalam banyak hal tidak gemar mengemukakan sesetengah kes atau pertikaian ke mahkamah kerana proses mahkamah di Malaysia pada kebiasaannya memakan masa terlalu lama.

Katanya oleh sebab itu, Kabinet misalnya, lebih cenderung kepada mengambil keputusan berhubung urusan kerajaan atau perkara-perkara berkaitan bagi menjamin pentadbiran berjalan lancar.

"Biasanya, perbicaraan di mahkamah bertahun-tahun pun tak habis. Setelah keputusan dibuat, kemudian ada proses rayuan dan ini pun memakan masa yang lama," katanya kepada kira-kira 250 pelajar Malaysia di Kedutaan Malaysia di sini petang ini.

Dr Mahathir, yang sedang dalam lawatan lima hari ke Jepun sehingga Selasa ini, berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan seorang pelajar kenapa beliau memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri sebelum kesnya dibawa ke mahkamah.

Beliau berkata adalah haknya sebagai Perdana Menteri untuk memecat atau menggugurkan seseorang menteri tanpa perlu menunggu keputusan mahkamah bagi mereka yang mempunyai masalah undang-undang.

"Dalam Kabinet, kita tidak tunggu mahkamah buat keputusan. Ini hak kita, kalau nak tunggu mahkamah maka tak boleh buat kerja apa pun," katanya lagi.

Perdana Menteri berkata: "Jika semuanya kena rujuk kepada mahkamah, rujuk kepada peguam, bicara lagi... tak payah buat keputusan".

Dr Mahathir menegaskan amalan menamatkan khidmat seseorang menteri adalah perkara biasa sama ada di Britain ataupun di Jepun dan negara-negara lain.

Anwar, yang dipecat pada 2 Sept lepas, telah mengaku tidak bersalah terhadap 10 tuduhan salah laku seks dan rasuah dan akan mula dibicarakan di Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur pada 2 Nov depan.

Mengenai perbicaraan Anwar, Dr Mahathir berkata: "Kes ini, saya tak tahu bila nak habis".

Dr Mahathir juga berkata adalah tidak benar tanggapan bahawa di Malaysia, mahkamah bersikap pro-kerajaan kerana terdapat banyak keputusan sebaliknya oleh mahkamah.

Katanya satu kes yang klasik yang mungkin tidak pernah terjadi di negara-negara lain ialah keputusan Mahkamah Tinggi untuk mengharamkan parti politik yang telah lama berkuasa begitu lama.

Beliau merujuk kepada keputusan mahkamah pada April 1988 yang mengharamkan Umno setelah parti itu didapati membenarkan beberapa perwakilan cawangan parti itu yang tidak sah mengundi pada pemilihan parti.

Mengenai tunjuk perasaan pro-Anwar yang diadakan ekoran pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri itu, Dr Mahathir berkata ia bertujuan untuk memaksa beliau meletakkan jawatan seperti yang dilakukan di Indonesia dengan jatuhnya Presiden Suharto.

"Di Malaysia, kerajaan boleh dijatuhkan tetapi hanya dengan cara demokratik iaitu melalui pilihan raya umum," katanya.

Pada pertemuan itu, Perdana Menteri bercakap panjang lebar mengenai keadaan di Malaysia terutama kegawatan ekonomi dan juga kegawatan politik ekoran pemecatan Anwar.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir mengakui beliau dan bekas timbalannya berbeza pendapat dan pendekatan dalam menangani masalah ekonomi yang

melanda negara tetapi pemecatan Anwar tidak ada kaitan langsung dengan perkara berkenaan.

Katanya tindakan beliau melucutkan jawatan Anwar juga tidak didorong oleh motif politik kerana sebagai orang lama dalam politik beliau juga tidak takut dengan kemungkinan Anwar (sebelum pemecatannya) akan mencabarnya untuk jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti tahun depan.

Dr Mahathir berkata pada perhimpunan agung Umno Jun lepas, beliau mendapat tahu ada rancangan oleh sesetengah perwakilan untuk "boo" beliau semasa beliau berucap.

"Tetapi ini tidak berlaku dan perwakilan menerima ucapan saya dengan baik. Saya tak khuatir, saya tak fikir saya boleh ditolak dengan mudah," katanya yang diikuti oleh beberapa pelajar melafazkan sokongan kepada Perdana Menteri dan menyatakan mereka mahu beliau terus memimpin negara.

Seorang pelajar perempuan dengan lantang memberitahu Perdana Menteri: "Saya berdoa kepada Tuhan agar Datuk Seri dilanjutkan usia kerana buat masa ini tiada siapa yang boleh menggantikan Datuk Seri".

Ini disambut dengan tepukan gemuruh oleh para pelajar lain yang kebanyakannya belajar di Jepun dengan tajaan syarikat-syarikat Jepun di Malaysia dan akan diambil bekerja dengan syarikat berkenaan setelah tamat pengajian mereka.

Dr Mahathir juga bercakap mengenai kekeliruan di kalangan pelabur termasuk di Jepun berhubung langkah Malaysia mengenakan kawalan tukaran asing dengan menetapkan kadar ringgit pada RM3.80 berbanding AS\$1.

"Adalah tidak benar sama sekali Malaysia mengenakan kawalan aliran modal. Modal asing boleh mengalir keluar dan masuk secara bebas seperti dulu.

"Kita bukan sekat aliran modal, kita hanya menetap kadar ringgit dan menjadikan ringgit tidak mempunyai apa-apa nilai di seberang laut mulai 1 Okt. Pelabur yang mahu membawa balik keuntungan perlu menukar ringgit dengan mata wang asing kerana ringgit sudah tidak mempunyai nilai di luar negeri," jelasnya.

Langkah ini semata-mata bertujuan menghindar para peniaga mata wang daripada menjual-beli ringgit yang dahulunya menyebabkan mata wang itu dan ekonomi Malaysia jatuh teruk.

"Kalau kita sekat aliran modal, kita tidak boleh hidup kerana Malaysia adalah negara perdagangan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kini peniaga mata wang tidak boleh menjatuhkan ekonomi Malaysia sesuka hati mereka dan ini bermakna Malaysia boleh menguasai ekonominya sendiri.

Katanya, ini juga bermakna Malaysia boleh mengubah kadar tukaran ringgit berbanding dolar Amerika pada RM2.50 ataupun RM4.00 setiap dolar jika ini didapati kompetitif.

"Dengan ini kita boleh menjaga kepentingan kita dan tiada peniaga yang boleh menjatuhkan ekonomi kita," tambahnya.

-- BERNAMA

AU oba